

U B016 AAB
KEMUNCAK - PAKAR

I

KUALA LUMPUR, 3 JUN (BERNAMA) -- SEBUAH JAWATANKUASA PAKAR AKAN DITUBUHKAN BAGI MEMBINCANGKAN MASALAH-MASALAH MEMBAYAR BALIK HUTANG LUAR DI SELATAN DAN LANGKAH-LANGKAH KEMUNGKINAN, TERMASUK SATU PENDEKATAN BERSAMA SEMASA BERURUSAN DENGAN NEGARA-NEGARA YANG MEMBERI HUTANG, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

JAWATANKUASA ITU, YANG DIANGGOTAI OLEH WAKIL-WAKIL PERIBADI 15 NEGARA MEMBANGUN YANG BERGABUNG DI BAWAH G-15 DAN MERUPAKAN PAKAR-PAKAR DALAM BIDANG KEWANGAN, AKAN BERTEMU UNTUK MEMBINCANGKAN PENDEKATAN-PENDEKATAN YANG DIPERLUKAN BAGI MENGATASI MASALAH BERKENAAN.

HASIL JAWATANKUASA PAKAR ITU AKAN DISALURKAN KEPADA G-77, FORUM EKONOMI BAGI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN, DAN PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI (NAM), KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR BERSAMA PADA PENGHujung PERSIDANGAN KEMUNCAK PERTAMA G-15 DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PENUBUHAN JAWATANKUASA ITU ADALAH BERIKUTAN PERBINCANGAN ISU BERKENAAN PADA PERSIDANGAN KEMUNCAK DI SINI.

+BUKANLAH MENJADI TUJUAN KAMI UNTUK MENGELAK DARIPADA MEMBAYAR CUKAI. KITA PERLU MEMPUNYAI KEFAHAMAN LEBIH MENDALAM MENGENAI MASALAH HUTANG DAN Mencari JALAN MENGATASINYA, + TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI MENDAPATI BAHAWA PENDEKATAN-PENDEKATAN YANG DIJALANKAN SEKARANG TIDAK BERUPAYA MEMBANTU MENGURANGKAN MASALAH ITU. -- LAGI.

2208MST 03 06 90

U B017 AAB

KEMUNCAK - PAKAR 2 KUALA LUMPUR

+KEUPAYAAN UNTUK MEMBAYAR HUTANG ADALAH BERBEZA ANTARA SEBUAH NEGARA DENGAN NEGARA YANG LAIN,+ KATANYA.

KATANYA, PERSIDANGAN KEMUNCAK ITU JUGA BERSETUJU MENERIMA TIGA DARIPADA 13 PROJEK UNTUK DILAKSANAKAN SERTA MERTA. KAJIAN SETERUSNYA AKAN DILAKUKAN TERHADAP BAKI PROJEK-PROJEK ITU.

PROJEK-PROJEK BERKENAAN IALAH PELABURAN SELATAN, PUSAT TUKARAN MAKALUMAT PERDAGANGAN DAN TEKNOLOGI (SITTDEC), FORUM PERNIAGAAN DAN PELABURAN, PERATURAN-PERATURAN BERKAITAN DENGAN MAKLUMAT PERDAGANGAN DENGAN GANDINGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN AKAN MENGEKPLOITASI POTENSI PERDAGANGAN DI KALANGAN MEREKA.

SEBUAH PASUKAN PETUGAS BANK-BANK PUSAT JUGA TELAH DIARAH UNTUK MERANGKA BUTIR-BUTIR TUGAS BAGI PERATURAN DAN MEKANISME PEMBAYARAN ANTARA WILAYAH SECARA PERCUBAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, NEGARA-NEGARA YANG MENCADANGKAN PROJEK-PROJEK ITU AKAN MENYEDIAKAN MEKANISME SOKONGAN MEMANDANGKAN MEREKA MEMPUNYAI TEKNOLOGI YANG DIPERLUKAN.

KATANYA, SEBAGAI CONTOH, MALAYSIA, YANG MEMPUNYAI PENGALAMAN DALAM PEMBIAYAAN PERDAGANGAN DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN, BOLEH MENAWARKAN JALAN KELUAR YANG SAMA DAN BERKONGSI KEPAKARANNYA DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN DI SELATAN BAGI MENGGALAKKAN PROMOSI DAN PENGEMBANGAN PERDAGANGAN DI KALANGAN MEREKA. -- LAGI.

2210MST 03 06 90

U B020 AAB

KEMUNCAK - PAKAR 3 KUALA LUMPUR

NEGARA-NEGARA LAIN SEPERTI YUGOSLAVIA DAN INDIA AKAN MENYALURKAN MAKLUMAT MENGENAI TEKNOLOGI YANG BERKENAAN DAN BEKERJASAMA UNTUK MENGENAL PASTI BAGAIMANA IA BOLEH DIGUNAKAN DI NEGARA-NEGARA LAIN.

MENGENAI PERDAGANGAN, BELIAU BERKATA, G-15 AKAN MEMBERI PENEKANAN TENTANG PERLUNYA MENINGKATKAN PERDAGANGAN ANTARA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DAN PELBAGAI PENDEKATAN TELAH DIMAJUKAN.

DALAM KONTEKS INI, PERKUMPULAN ITU MENENTANG PENUBUHAN KARTEL PENGELUAR BAGI KOMODITI.

+TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL BAGI MENGELAKKAN KARTEL PENJUAL BELUM DIRUMUSKAN TETAPI JIKA TINDAKAN ITU TERHADAP KARTEL PENGELUAR, MAKA KARTEL PEMBELI JUGA TIDAK HARUS WUJUD,+ KATA BELIAU.

BELIAU LALU MENARIK PERHATIAN KEPADA PERTUKARAN LOGAM LONDON, YANG BERURUSAN MENGENAI KONTRAK HADAPAN LOGAM, TELAH MEMBELI TIMAH, YANG PADA DOKUMEN SEBENARNYA TIDAK WUJUD.

BELIAU BERKATA, TINDAKAN INI TELAH MENYEBABKAN KEJATUHAN HARGA TIMAH DI SELURUH DUNIA DAN PENGELUAR TIDAK BOLEH BERBUAT APA-APA. -- LAGI.

2217MST 03 06 90

D505

U B022 AAB
KEMUNCAK - PAKAR 4 KUALA LUMPUR

MENGENAI RUNDINGAN PUSINGAN URUGUAY, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, G-15 MEMBERI PERHATIAN KEPADA PERBINCANGAN YANG KINI DIADAKAN OLEH UTARA MENGENAI PERJANJIAN PERDAGANGAN INI TERUTAMA MENGENAI ISU SUBSIDI PERTANIAN.

+KITA PERLU MEMAHAMI PENDEKATAN ANTARA SATU SAMA LAIN TERHADAP PUSINGAN URUGUAY KERANA NEGARA-NEGARA BERKENAAN SEMUANYA IALAH NEGARA BERORIENTASIKAN EKSPORT. APA-APA KEPUTUSAN YANG DIBUAT PADA PUSINGAN URUGUAY MEMBERI KESAN MENDALAM KEPADA NEGARA-NEGARA DI SELATAN.

+SEBAGAI CONTOH, PENGELUARAN GULA DAN MINYAK MASAK DIBERI SUBSIDI OLEH NEGARA-NEGARA DI UTARA DAN INI TELAH MENJEJASKAN PASARAN BAGI KOMODITI KITA,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PERSIDANGAN KEMUNCAK ITU, SETELAH MENGENAL PASTI MASALAH INI, JUGA MENARIK PERHATIAN BAHAWA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MENGHADAPI MASALAH KURANG MAKLUMAT MENGENAI KEMAMPUAN DAN PENGELUARAN ANTARA SATU SAMA LAIN.

BELIAU BERKATA, SEBAGAI CONTOH, SESETENGAH NEGARA AMERIKA LATIN MEMBELI GETAH DARI EROPAH SEDANGKAN MALAYSIA IALAH PENGELUAR KOMODITI ITU.

+KITA TIDAK TAHU APA YANG SESETENGAH NEGARA AMERIKA LATIN MENGELUARKAN DAN PADA MASA LALU TELAH MEMBELI KOMODITI DARI UTARA SEDANGKAN MEREKA BOLEH MEMBELI KOMODITI ITU TERUS ANTARA SATU SAMA LAIN, DAN DENGAN ITU MENJIMATKAN KOS,+ KATA BELIAU. -- BERNAMA.
2221MST 03 06 90